

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
[ PUTATAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk kerja-kerja membaik pulih struktur bangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Serigei, Putatan kerana di kawasan Parlimen Putatan terdapat rekahan dan kerosakan kritikal di Projek Perumahan Rakyat Kg. Serigei, Putatan yang pada bila-bila masa sahaja boleh mengundang kepada kemalangan jiwa. Limpahan air hujan boleh memenuhi tingkat 1 dan 2 bangunan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada menyediakan peruntukan untuk membaik pulih Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP). Antara skop kerja yang terlibat di bawah program PPP adalah pembaikan atau penggantian lif, tangki air, paip sanitari, bumbung, *handrail*, pendawaian elektrik, mengecat, kerosakan umum, pagar dan cerun.

## **NO SOALAN : 378**

2. Walau bagaimanapun, pemeriksaan untuk mengenal pasti keutuhan struktur bangunan yang mengalami keretakan dan kerosakan kritikal tidak termasuk di bawah skop kerja di bawah program PPP. Sehubungan itu, pihak Yang Berhormat hendaklah merujuk kepada Kerajaan Negeri sekiranya terdapat kerosakan yang melibatkan struktur bangunan di PPR Kampung Serigei, Putatan, memandangkan PPR tersebut telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.